

# Paip besi Petronas untuk hidupan marin

HM 18/10/23 M/S 10

**Marang:** Sebanyak enam daripada 10 unit tukun tiruan hasil kerjasama kepakaran antara Malaysia dan Jepun dilabuhkan di perairan Taman Laut Pulau Kapas, di sini, untuk meningkatkan jumlah hidupan marin.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, program X-to-Reef

adalah salah satu projek berkonsepkan *circular economy*.

Menurut Dr Azman, projek terbabit adalah pengubahsuaian paip besi dasar laut milik Petronas yang akan dilupuskan, tetapi diguna semula untuk dijadikan tukun tiruan yang berperanan sebagai perumah kepada hidupan marin.

"Reka bentuk tukun ini berdasarkan pengalaman Nip-

pon Steel-Kobelco (NSK) (Jepun) yang dilabuhkan di perairan negara berkenaan.

"Penambahbaikan dilakukan oleh penyidik Jabatan Perikanan Malaysia (JPM) dari Institut Sumber Marin Asia Tenggara (Ismat) serta Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan mengikut kesesuaian lokasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program X-to-Reef di Jeti Pelancongan Marang, dekat sini, semalam.

Menurutnya, reka bentuk

tukun berkenaan berdasarkan piawaian standard pembuatan yang boleh bertahan di dalam air sekurang-kurangnya selama 30 tahun.

Di samping itu, katanya, tukun tiruan ini direka bentuk sebagai habitat spesies spesifik iaitu udang karang, sotong dan rumput laut.

"Faedah dan manfaat projek ini bagi pemuliharaan habitat selain bertujuan sebagai penyelidikan dan mengukuhkan kerjasama antara JPM dan sektor korporat," katanya.

**Tukun tiruan menggunakan paip besi dasar laut milik Petronas**

PEKERJA melakukan persiapan sebelum menurunkan tukun tiruan pada Program X-to-Reef di Jeti Pelancongan Marang, Pulau Kapas, Marang.

